



27 Disember 2013
27 December 2013
P.U. (A) 376

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGEQUALIAN) 2013

SALES TAX (EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 1972

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan

2. Tertakluk kepada perenggan 3, barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual A dikecualikan daripada cukai jualan dan orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual B dan Jadual C dikecualikan daripada membayar cukai jualan ke atas barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual B dan Jadual C, tertakluk kepada syarat-syarat jika terpakai, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual B atau Jadual C.

Had pengecualian

3. Pengecualian yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diberikan sepenuhnya berkenaan dengan barang-barang yang disebut dalam ruang (2) Jadual A dan ruang (3) Jadual B dan Jadual C melainkan dinyatakan selainnya dalam syarat-syarat itu.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Perintah ini hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Jadual dalam Perintah Duti Kastam 2012 [P.U. (A) 275/2012].

(2) Bagi maksud Jadual A—

(a) hanya barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2) yang ditunjukkan bersetentangan dengan kepala tarif dalam ruang (1)

hendaklah dikecualikan. Barang-barang lain, walaupun mungkin boleh diperjeniskan di bawah kepala tarif yang sama tetapi tidak dinyatakan, tidak dikecualikan.

- (b) jika perihalan barang-barang dalam ruang (2) ditunjukkan secara am bersetentangan dengan kepala tarif dalam ruang (1), pengecualian hendaklah terpakai bagi semua barang-barang itu sebagaimana yang diperjeniskan dalam kepala tarif itu.

Masa apabila pengecualian berkuat kuasa

5. Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan atas orang dan barang-barang tersebut akan mula berkuat kuasa—

- (a) jika pengecualian itu tertakluk kepada pengemukaan sijil—
 - (i) berkenaan dengan barang-barang import, pada waktu sijil tersebut diluluskan oleh pegawai kastam yang hak; dan
 - (ii) berkenaan dengan barang-barang perkilangan tempatan, pada waktu sijil tersebut dikemukakan kepada pengilang berlesen.
- (b) dalam hal barang-barang import lain, apabila pegawai kastam yang hak yang kepadanya barang-barang itu diikrar membenarkan import.
- (c) dalam hal barang-barang perkilangan tempatan lain, apabila barang-barang itu dilepaskan untuk dijual atau dilepaskan selain jualan oleh pengilang berlesen.

Pembatalan

6. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008 [*P.U. (A) 91/2008*] dibatalkan.

SALES TAX ACT 1972

SALES TAX (EXEMPTION) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by section 8 of the Sales Tax Act 1972 [*Act 64*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Exemption) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2014.

Exemption from payment of sales tax

2. Subject to paragraph 3, the goods specified in Schedule A are exempted from sales tax and the persons specified in column (2) of Schedule B and Schedule C are exempted from payment of sales tax on the goods specified in column (3) of Schedule B and Schedule C, subject to the conditions where applicable, as specified in Schedule B or Schedule C.

Extent of exemption

3. The exemption referred to in paragraph 2 shall be granted in full in respect of the goods mentioned in column (2) of Schedule A and column (3) of Schedule B and Schedule C unless otherwise specified in the conditions.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in this Order shall comply with the Rules for the interpretation of the Schedules in the Customs Duties Order 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) For the purpose of Schedule A—

(a) only goods described in column (2) shown against the tariff heading in column (1) shall be exempted. Other goods, though

might be classified under the same tariff headings but which are not specified, are not exempted.

- (b) where the description of goods in column (2) are shown in general against the tariff headings in column (1), the exemption shall apply to all such goods as classified within that tariff headings.

Time when exemption operates

5. The exemption from payment of sales tax on such persons and goods will take effect—

- (a) where the exemption is subject to the production of a certificate—
 - (i) in respect of imported goods, at the time the said certificate is approved by the proper officer of customs; and
 - (ii) in respect of locally manufactured goods, at the time when the said certificate is produced to the licensed manufacturer.
- (b) in the case of other imported goods, when the proper officer of customs to whom they have been declared permits their imports.
- (c) in the case of other locally manufactured goods, when they are released for sales or disposed of otherwise than by sales by the licensed manufacturer.

Revocation

6. The Sales Tax (Exemption) Order 2008 [*P.U. (A) 91/2008*] is revoked.